



21 Februari 2025
21 February 2025
P.U. (B) 72

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

**NOTIS PEMULAAAN KAJIAN SEMULA DIPERCEPAT
DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN IMPORT
GEGELUNG KELULI YANG DIPRACAT, DICAT ATAU
DISALUT WARNA YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT
DARIPADA TAY NAM STEEL MANUFACTURING &
TRADING CO., LTD. DARI REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM**

***NOTICE OF INITIATION OF EXPEDITED REVIEW OF THE
ANTI-DUMPING DUTIES WITH REGARD TO IMPORTS OF
PREPAINTED, PAINTED OR COLOUR COATED STEEL COILS
ORIGINATING OR EXPORTED FROM
TAY NAM STEEL MANUFACTURING & TRADING CO., LTD.
FROM THE SOCIALIST REPUBLIC OF VIET NAM***

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA DUTI TIMBAL BALAS DAN ANTI-LAMBAKAN 1993

NOTIS PEMULAAN KAJIAN SEMULA DIPERCEPAT DUTI ANTI-LAMBAKAN BERKENAAN DENGAN IMPORT GEGELUNG KELULI YANG DIPRACAT, DICAT ATAU DISALUT WARNA YANG BERASAL ATAU DIEKSPORT DARI TAY NAM STEEL MANUFACTURING & TRADING CO., LTD. DARIPADA REPUBLIK SOSIALIS VIET NAM

(NSR 01/25)

BERIKUTAN penyiaran Notis Penentuan Muktamad Afirmatif Penyiasatan Duti Anti-Lambakan Mengenai Import Gegelung Keluli yang Dipracat, Dicat atau Disalut Warna yang Berasal atau Dieksport dari Republik Rakyat China dan Republik Sosialis Viet Nam [*P.U. (B) 41/2016*] dan Notis Penentuan Muktamad Afirmatif bagi Kajian Semula Pentadbiran Duti Anti-Lambakan Berkenaan dengan Import Gegelung Keluli yang Dipracat, Dicat atau Disalut Warna yang Berasal atau Dieksport dari Republik Rakyat China dan Republik Sosialis Viet Nam [*P.U. (B) 367/2021*] masing-masing dalam *Warta* pada 22 Januari 2016 dan 16 Julai 2021, Kerajaan telah menerima suatu permintaan untuk kajian semula dipercepat menurut subseksyen 28B(1) Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993 [*Akta 504*].

Permintaan untuk kajian semula dipercepat

2. Permintaan kajian semula dipercepat itu telah dibuat oleh—

Tay Nam Steel Manufacturing & Trading Co., Ltd.

Thien Loc Thanh Industrial Clusters, Hamlet 4, Long Son Commune

Can Duoc District, Long An Province

Republik Sosialis Viet Nam,

pengeluar gegelung keluli yang dipracat, dicat atau disalut warna dari Republik Sosialis Viet Nam.

Dagangan subjek

3. (1) Dagangan subjek dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7210.70.12 00, 7210.70.13 00,

7210.70.19 00, 7210.70.21 00, 7210.70.29 00, 7210.70.91 00 dan 7210.70.99 00.

(2) Kod H.S. dan AHTN yang dinyatakan dalam subperenggan (1) diberikan hanya untuk makluman dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap penjenisan dagangan subjek.

Duti anti-lambakan sedia ada

4. (1) Duti yang sedang berkuat kuasa pada masa ini ke atas dagangan subjek ialah duti anti-lambakan definitif yang dikenakan oleh Perintah Kastam (Duti Anti-Lambakan) (Kajian Semula Pentadbiran) (No. 2) 2021 [*P.U. (A) 312/2021*].

(2) Tiada duti anti-lambakan boleh dikenakan ke atas dagangan subjek yang berasal atau dieksport daripada Tay Nam Steel Manufacturing & Trading Co., Ltd. dari Republik Sosialis Viet Nam semasa kajian semula dipercepat sedang dijalankan.

Alasan bagi kajian semula dipercepat

5. (1) Permintaan kajian semula dipercepat ini dibuat berdasarkan alasan bahawa pengeluar atau pengeksport tidak mengeksport dagangan subjek ke Malaysia sepanjang tempoh penyiasatan dan pengeluar atau pengeksport itu tidak ada kaitan dengan mana-mana pengeluar atau pengeksport di negara pengeksport yang tertakluk kepada duti anti-lambakan atas dagangan subjek.

(2) Kerajaan berpuas hati bahawa permintaan itu mengandungi alasan yang mencukupi untuk memulakan suatu kajian semula dipercepat.

(3) Dalam membuat keputusan ini, Kerajaan juga telah meneliti syarat-syarat untuk memulakan kajian semula dipercepat menurut subseksyen 28B (1) Akta.

Tatacara

6. (1) Setelah menentukan bahawa keterangan yang mencukupi wujud untuk mewajarkan suatu kajian semula dipercepat berkenaan dengan import dagangan subjek,

Kerajaan memulakan penyiasatan kajian semula dipercepat menurut subseksyen 28B(1) Akta.

(2) Penyiasatan ini akan menentukan kadar duti anti-lambakan individu bagi Tay Nam Steel Manufacturing & Trading Co., Ltd. dari Republik Sosialis Viet Nam.

Pengumpulan maklumat

7. Semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam penyiasatan berikutan penyiaran Notis Permulaan Penyiasatan Duti Anti-Lambakan berkenaan dengan Import Gegelung Keluli yang Dipracat, Dicat atau Disalut Warna yang Berasal atau Dieksport dari Republik Rakyat China dan Republik Sosialis Viet Nam [*P.U. (B) 207/2015*] dalam *Warta* pada 28 April 2015 dijemput untuk memberikan pandangan mereka secara bertulis bersama dengan keterangan sokongan.

Had masa

8. Semua pihak berkepentingan yang disebut dalam perenggan 7 hendaklah menyatakan pandangan mereka secara bertulis bersama dengan keterangan sokongan dalam masa tiga puluh hari dari tarikh penyiaran notis ini dalam *Warta* sekiranya pandangan dan keterangan sokongan itu hendak diambil kira semasa kajian semula dipercepat, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

Pengemukaan maklumat bertulis dan surat-menyurat

9. (1) Semua pengemukaan maklumat, surat-menyurat dan permintaan mestilah dibuat secara bertulis dan dihantar melalui pos, faksimile, e-mel atau secara serahan tangan dengan jelas menyatakan nama, alamat, alamat e-mel, nombor telefon dan faksimile pihak berkepentingan itu kepada—

Pengarah

Seksyen Amalan Perdagangan

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)

Aras 9, Menara MITI

No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Nombor Telefon : (603) 6208 4641/4642/4635

Nombor Faksimili : (603) 6211 4429

Alamat e-mel : alltps@miti.gov.my

(2) Sekiranya pihak berkepentingan yang disebut dalam perenggan 7 tidak memberikan maklumat yang perlu atau maklumat dan pandangan itu tidak diterima dalam bentuk yang memadai dalam had masa yang dinyatakan, Kerajaan boleh membuat penentuan berdasarkan fakta yang ada mengikut seksyen 41 Akta.

Bertarikh 20 Februari 2025
[MITI.S.600-2/2/47; PN(PU2)529/JLD.33]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri

COUNTERVAILING AND ANTI-DUMPING DUTIES ACT 1993

NOTICE OF INITIATION OF EXPEDITED REVIEW OF THE ANTI-DUMPING DUTIES WITH REGARD TO IMPORTS OF PREPAINTED, PAINTED OR COLOUR COATED STEEL COILS ORIGINATING OR EXPORTED FROM TAY NAM STEEL MANUFACTURING & TRADING CO., LTD. FROM THE SOCIALIST REPUBLIC OF VIET NAM

(NSR 01/25)

FOLLOWING the publication of a Notice of Affirmative Final Determination of An Anti-Dumping Duty Investigation with regard to the Imports of Prepainted, Painted or Colour Coated Steel Coils Originating or Exported from the People's Republic of China and Socialist Republic of Viet Nam [*P.U. (B) 41/2016*] and a Notice of Affirmative Final Determination of Administrative Review of Anti-Dumping Duty with regard to Imports of Prepainted, Painted or Colour Coated Steel Coils Originating or Exported from the People's Republic of China and the Socialist Republic of Viet Nam [*P.U. (B) 367/2021*] in the *Gazette* on 22 January 2016 and 16 July 2021 respectively, the Government has received a request for an expedited review pursuant to subsection 28B(1) of the Countervailing and Anti-Dumping Duties Act 1993 [*Act 504*].

Request for expedited review

2. The request for expedited review was lodged by—

Tay Nam Steel Manufacturing & Trading Co., Ltd.
Thien Loc Thanh Industrial Clusters, Hamlet 4, Long Son Commune
Can Duoc District, Long An Province
Socialist Republic of Viet Nam,

the producer of prepainted, painted or colour coated steel coils from the Socialist Republic of Viet Nam.

Subject merchandise

3. (1) The subject merchandise is classified under the Harmonised System

Code (H.S. Code) and ASEAN Harmonised Tariff Nomenclature 7210.70.12 00, 7210.70.13 00, 7210.70.19 00, 7210.70.21 00, 7210.70.29 00, 7210.70.91 00 and 7210.70.99 00.

(2) The H.S. Codes and AHTN specified in subparagraph (1) are given only for information and do not have binding effect on the classification of the subject merchandise.

Existing anti-dumping duties

4. (1) The duties for the time being in force on the subject merchandise are definitive anti-dumping duties imposed by the Customs (Anti-Dumping Duties) (Administrative Review) (No. 2) Order 2021 [*P.U. (A) 312/2021*].

(2) No anti-dumping duty shall be imposed on the subject merchandise originating or exported from Tay Nam Steel Manufacturing & Trading Co., Ltd. from the Socialist Republic of Viet Nam while the expedited review is being carried out.

Grounds for the expedited review

5. (1) The request for the expedited review is made based on the grounds that the producer or exporter has not exported the subject merchandise to Malaysia during the period of investigation and that the producer or exporter is not related to any of the producers or exporters in the exporting country who are subject to the anti-dumping duties on the subject matter merchandise.

(2) The Government is satisfied that the request carries sufficient grounds to initiate an expedited review.

(3) In coming to this decision, the Government has also examined the conditions to initiate the expedited review pursuant to subsection 28B(1) of the Act.

Procedure

6. (1) Having determined that sufficient evidence exists to warrant an expedited review with regard to imports of subject merchandise, the Government initiates an

expedited review investigation pursuant to subsection 28B(1) of the Act.

(2) The investigation will determine an individual anti-dumping duty rate for Tay Nam Steel Manufacturing & Trading Co., Ltd. from the Socialist Republic of Viet Nam.

Collection of information

7. All interested parties involved in the investigation following the publication of Notice of Initiation of An Anti-Dumping Duty Investigation with regard to the Imports of Prepainted, Painted or Colour Coated Steel Coils Originating or Exported from the People's Republic of China and Socialist Republic of Viet Nam [*P.U. (B) 207/2015*] in the *Gazette* on 28 April 2015 are invited to give their views in writing together with supporting evidence.

Time limit

8. All interested parties referred to in paragraph 7 shall present their views in writing together with supporting evidence within thirty days from the date of publication of this notice in the *Gazette* if such views and supporting evidence are to be taken into consideration during the expedited review, unless otherwise specified.

Submission of written information and correspondence

9. (1) All submissions of information, correspondences and requests must be made in writing and sent by post, facsimile, e-mail or by hand with clear indication of the name, address, e-mail address, telephone and facsimile numbers of the interested parties to—

Director
Trade Practices Section
Ministry of Investment, Trade and Industry (MITI)
Level 9, Menara MITI
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 Kuala Lumpur
Malaysia

Telephone number : (603) 6208 4641/4642/4635
Facsimile number : (603) 6211 4429
Email address : alltps@miti.gov.my

(2) If the interested parties referred to in paragraph 7 do not provide the necessary information or the information and views are not received in adequate form within the specified time limit, the Government may make the determination on the basis of the facts available in accordance with section 41 of the Act.

Dated 20 February 2025
[MITI.S.600-2/2/47; PN(PU2)529/JLD.33]

TENGGU DATUK SERI UTAMA ZAFRUL BIN TENGGU ABDUL AZIZ
Minister of Investment, Trade and Industry